



Universiti Kebangsaan
Malaysia

MENU

UKM Sedia Bantu Jadikan Bangi Bandar Ilmu

65
SHARES



Oleh Saiful Bahri Kamaruddin
Foto Ikhwan Hashim

BANGI, 17 Jun 2016 – Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sedia menerajui usaha menjadikan Bangi Bandar Ilmu, kata Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof Datuk Ir Dr Riza Atiq Abdullah O.K. Rahmat.

Katanya UKM boleh menjadi hab penerokaan dan pencambahan ilmu di kawasan ini sekali gus menjalinkan kerjasama dikalangan pelbagai institusi pengajian tinggi, tokoh ilmuwan, badan berkanun, serta institusi agama seperti masjid dan surau.

“Persediannya juga tentu sekali akan turut membabitkan pelbagai wacana ilmiah, agama, budaya serta isu semasa serta penghasilan bahan penerbitan sebagai rujukan untuk generasi masa depan, beliau menjelaskan ketika merasmikan majlis Eksplorasi Elektrik dan Elektronik 2016 Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik dan Sistem (JKEES) di sini pada 26 Mei lalu.

Selain daripada UKM, di antara universiti dalam kawasan Bangi ialah Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dan Universiti Multimedia (MMU).

Kata beliau sebagai sebuah bandar terancang yang dibina pada tahun 1970-an, Bandar Baru Bangi dilengkapi dengan zon perumahan, zon perniagaan, zon rekreasi dan zon perindustrian.

Selain itu Kawasan Perindustrian Bandar Baru Bangi mempunyai banyak kilang kerana premium tanah yang rendah dan dilengkapi dengan infrastruktur yang canggih.

Mengenai Eksplorasi Elektrik dan Elektronik 2016 UKM atau ringkasnya E3@UKM 2016, beliau menyifatkannya sebagai salah satu program penting dalam rangka promosi untuk meningkatkan reputasi dan ketampakan JKEES kepada masyarakat setempat dan luar.

E3@UKM2016 merupakan pertandingan pelajar-pelajar jabatan membentangkan poster hasil penyelidikan yang

dijalankan selama dua semester, kepada masyarakat umum.

Hasil mahasiswa tersebut dinilai oleh panel akademik yang tersohor dalam bidang masing-masing, manakala panel industri juga memberikan ulasan kepada para pelajar.

“Saya difahamkan ada beberapa hasil kajian yang boleh dikomersialkan,” kata beliau.

Timbalan Naib Canselor berkata kejayaan ini membuktikan usaha UKM untuk merealisasikan dasar From Lab to Community amat berbaloi.

Seramai 30 pelajar tahun ketiga mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.





Artikel Lain

[Restu Ibu Bapa Jadi Pendorong Kejayaan Penerima Anugerah Pelajaran Diraja](#)

[Penerima Anugerah Emas Kedoktoran Gunakan Ruang Masa Berdakwah kepada Golongan OKU](#)

[Ahli Akademik Dituntut Hasilkan Penyelidikan Bernilai Pasaran – Canselor UKM](#)

[7,709 Graduan UKM Terima Ijazah pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-49 Secara Fizikal](#)

[UKM Tingkat Tahap Kebolehpasaran Graduan](#)

[CAKNE Gold Ribbon Ride Tingkat Kesedaran Kanser Kanak-kanak](#)

[Affin Islamic Bank Berhad Sumbang RM10,000 kepada HCTM](#)

[Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Ali dilantik Pro-Canselor UKM Baharu](#)

[UKM Terima Sumbangan RM70,000 daripada YPM untuk Bantu Pelajar](#)

[Pelajar Tajaan JPA Perlu Berfikiran Lebih Kritis – KPPA](#)

[Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kupas Isu Semasa](#)

[Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Terima Anugerah Alumni Tersohor UKM](#)

[Kebolehpasaran Belia Berkeperluan Khas Jadi Keutamaan](#)

[Kajian ICCC Beri Manfaat Kepada Pembuat Keputusan](#)

[QS Asia University Rankings 2022 : UKM Kini 5 Peratus Terbaik Asia](#)

[Aplikasi RakanBM Bantu Pelajar Asing Belajar Bahasa Melayu](#)

[Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohamad Abd Razak dilantik Pengerusi Lembaga Pengarah UKM yang Baharu](#)

[Nadwah Ulama Nusantara IX Bincang Isu-Isu Kontemporari Naskah Ulama Melayu](#)

[Malaysia dan Indonesia Perlu Gembleng Tenaga Sebagai Rakan Serumpun – Datuk Ahmad Amzad](#)

[Ziarah Alumni UKM Mengukuhkan Hubungan Alumni-Alma Mater](#)

[Penafian](#) [Dasar Keselamatan](#) [Dasar Privasi](#) [Penafian Terjemahan Bahasa Ketiga](#)



Pusat Komunikasi Korporat
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM, Bangi Selangor, MALAYSIA
Tel: +603 8921 4908/ 5540/ 3370
Fak: +603 8921 4097
E-mel: pkk@ukm.edu.my
Bantuan Teknikal: webmaster@ukm.edu.my

Hakcipta © 2021 Universiti Kebangsaan Malaysia

Web ini boleh diakses menggunakan peranti pintar. Paparan terbaik menggunakan pelayar web versi terkini pada resolusi minimum 1024x768.

Untuk penjelasan lanjut boleh dibaca [di sini](#).

[v6.7.2](#)